


**PENILAIAN INPUT DAN PRODUK
KURIKULUM KOMPONEN KESUSASTERAAN
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH PENAMPANG**



JAMES GEOFFREY W. MOLIJOH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

**PENILAIAN INPUT DAN PRODUK
KURIKULUM KOMPONEN KESUSASTERAAN
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH PENAMPANG**

JAMES GEOFFREY W. MOLIJOH



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 APRIL 2012

James Geoffrey W. Molijoh
PS04-006-004



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **JAMES GEOFFREY W. MOLIJOH**

NO. MATRIK : **PS04-006-004**

TAJUK : **PENILAIAN INPUT DAN PRODUK KURIKULUM
KOMPONEN KESUSASTERAAN BAHASA INGGERIS
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PENAMPANG**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **13 APRIL 2012**



DIPERAKUKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tandatangan


PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dianugerahkan kekuatan fizikal, mental dan rohani untuk menyiapkan tesis ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ijazah sarjana pendidikan dan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang menghadihkan biasiswa untuk menyempurnakan pengajian peringkat sarjana.

Saya juga tidak lupa mengucapkan ucapan terima kasih tak terhingga kepada Profesor Dr. Vincent Pang selaku penyelia saya; Profesor Dr. Zulkifli Mohamed dan Profesor Madya Dr. Hj Mohd Yusof bin Abdullah selaku Dekan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial, Profesor Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, Profesor Madya Dr. Na'imah Yusoff dan Dr. Habsah Hussin atas bimbingan dan sokongan penuh mereka.

Tidak dilupakan semua pengetua, guru dan murid di sekolah-sekolah yang terlibat dalam penyelidikan, rakan seperjuangan yang memberi semangat iaitu Juliana Osong, Jovina Kudon dan Jimmy Johan.

Akhir sekali kepada keluarga tersayang: isteri Rosie Johnny, anak-anak Therese Rose dan Elisius Ross, terima kasih kerana memahami dan mendoakan kejayaan saya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

James Geoffrey W. Molijoh
13 April 2012

ABSTRAK

PENILAIAN INPUT DAN PRODUK KURIKULUM KOMPONEN KESUSASTERAAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PENAMPANG

Kajian ini melihat sejauh mana kurikulum Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris (KKBI) diikuti oleh murid di sekolah menengah di Penampang sejak kurikulum ini diperkenalkan pada tahun 2000. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membantu murid menguasai KKBI dengan membekalkan buku teks KKBI di semua sekolah menengah. Justeru, kajian ini bertujuan mentaksir input dan produk KKBI menggunakan model CIPP. Sehubungan dengan itu, tahap penggunaan sumber, tahap strategi pembelajaran dan tahap pencapaian objektif KKBI dikaji menggunakan statistik deskriptif. Statistik inferens digunakan untuk pengujian hipotesis nol. Seramai 300 responden terlibat dalam soal selidik dan ujian dengan kaedah kuantitatif. Data kajian diproses menggunakan SPSS 15.0. Dapatan menunjukkan tahap penggunaan sumber dan strategi adalah pada tahap sederhana manakala tahap pencapaian objektif pada tahap rendah. Melalui ujian Kruskal Wallis, didapati terdapat perbezaan pencapaian objektif KKBI berdasarkan tahap penggunaan sumber dan strategi pada aras <0.05 . Ujian korelasi Spearman menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara penggunaan sumber dan strategi dengan pencapaian objektif pada aras < 0.05 . Cadangan kajian akan datang termasuk penggunaan pendekatan temubual dan pemerhatian, mengambil kira semua dimensi CIPP, kajian seluruh Sabah, melihat faktor lain selain sumber dan strategi serta mengkaji mengapa hubungan antara penggunaan sumber dan strategi dengan pencapaian objektif pada aras rendah.

ABSTRACT

This study aimed to review the English Language Literature Component in terms of reception by secondary students in Penampang after its inception in 2000. To help students with the new curriculum, textbooks were sent to schools by the ministry. Hence, the purpose of this study was to assess the input and product of the English Language Literature Component using CIPP model. Quantitative method was used whereby 300 respondents responded to questionnaire and test. Data was then processed using SPSS 15.0. Descriptive statistics showed the students' level of usage on the resources and strategies and objective achievement. On the other hand, inferential statistics was employed to test the null hypotheses. The result showed that students used resources and strategies at average level whereas the objective achievement was at low level. The Kruskal-Wallis test showed that there is a significant difference in the objective achievement based on resources and strategies at < 0.05 . Spearman correlation test showed significant relationship of resources and strategies to objective achievement at < 0.05 . Proposed future researches include the use of interview and observation, taking into account all dimensions of the CIPP, studies throughout Sabah, look at other factors apart from resources and strategies and to study why the relationship between use of resources and strategies and achieving objectives is at low level.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SINGKATAN	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.2.1 Pendidikan Di Malaysia	5
1.2.2 KKBI Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Teras	7
a. Perkembangan Kurikulum	7
b. Hubungan KKBI Dengan FPK Dari Segi Pencapaian Matlamat KPM	9
c. Pelaksanaan KKBI	11
d. Objektif KKBI	11
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Soalan kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Definisi Istilah dan Definisi Operational	17
1.8.1 Penilaian	18
1.8.2 Penilaian Input	18
1.8.3 Penilaian Produk	18
1.9 Kurikulum	19

1.10	Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris	19
1.11	Sekolah Menengah Daerah Penampang	20
1.12	Kepentingan Kajian	20
1.13	Skop Kajian dan Batasan Kajian	21
	a. Skop Kajian	21
	b. Batasan Kajian	21
	BAB 2: KAJIAN LITERATUR	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Perkembangan Program Sastera Inggeris di Malaysia	23
2.3	Sekolah Menengah Di Daerah Penampang	26
2.4	Konsep Kurikulum	29
2.5	Teori-teori Pembelajaran Sastera	30
	2.5.1 Teori Pembelajaran Behavioris	30
	2.5.2 Teori Pembelajaran Kognitivis	31
	2.5.3 Teori Pembelajaran Konstruktivis	32
2.6	Konsep Penilaian	33
	2.6.1 Model CIPP Stufflebeam	34
	2.6.2 Penilaian Kurikulum	36
	2.6.3 Penilaian Input	36
	2.6.4 Penilaian Produk	39
2.7	Kerangka Teori Kajian	44
2.8	Kajian Lepas	47
	2.8.1 Luar Negara	47
	2.8.2 Dalam Negara	50
2.9	Kerangka Kajian	54
	BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	56
3.1	Pengenalan	56
3.2	Pendekatan Kajian	56
3.3	Kaedah Kajian	56
3.4	Pensampelan	58
3.5	Instrumen Kajian	60
	3.5.1 Soal Selidik Pelajar	60

3.5.2	Ujian Kepada Pelajar	62
3.6	Kajian Rintis	62
3.7	Pentadbiran Instrumen	64
3.8	Analisis Data	64
BAB 4:	ANALISIS DATA	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	69
4.3	Dapatan Kajian	70
4.3.1	Tahap Penggunaan Sumber	70
4.3.2	Tahap Penggunaan Strategi	70
4.3.3	Tahap Pencapaian Objektif KKBI	70
4.3.4	Ujian Normaliti	70
4.3.5	Pengujian Hipotesis	71
4.4	Ringkasan Keputusan Analisis Data Kuantitatif	73
BAB 5:	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Fokus Kajian	74
5.3	Tahap Penggunaan Sumber	74
5.4	Tahap Penggunaan Strategi	77
5.5	Tahap Pencapaian Objektif KKBI	78
5.6	Perbezaan Pencapaian Objektif KKBI Berdasarkan Tahap Penggunaan Sumber	79
5.7	Perbezaan Pencapaian Objektif KKBI Berdasarkan Tahap Penggunaan Strategi	80
5.8	Hubungan Antara Penggunaan Sumber Dengan Pencapaian Objektif Kurikulum KKBI	81
5.9	Hubungan Antara Penggunaan Strategi Dengan Pencapaian Objektif Kurikulum KKBI	82
5.10	Implikasi Kajian	82
5.10.1	Implikasi Terhadap Perancangan Kurikulum Di Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)	83

5.10.2 Implikasi Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	86
5.10.3 Implikasi Terhadap Pelaksanaan Tugas Guru Bahasa Inggeris	87
5.11 Cadangan Kajian Masa Depan	88
5.12 Kesimpulan	89
5.13 Penutup	90
RUJUKAN	93
LAMPIRAN A : INSTRUMEN I	108
a. Maklumat Tentang Sumber	108
b. Borang Soal Selidik Penilaian Input KKBI	108
i. Tahap Penggunaan Sumber Kurikulum KKBI	109
ii. Tahap Penggunaan Strategi Belajar KKBI	110
LAMPIRAN B: INSTRUMEN II	112
Ujian Penilaian Produk Kurikulum KKBI	112
LAMPIRAN C : JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU) UJIAN KKBI	121
LAMPIRAN D : WAJARAN MARKAH UJIAN KKBI	123
LAMPIRAN E : Surat kelulusan Menjalankan Kajian Dari BPPDP	132
LAMPIRAN F : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari JPN Sabah	133
LAMPIRAN G: Output SPSS	134

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1	Senarai Karya Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris	2
Jadual 1.2	Jadual Pelaksanaan Program KKBI	3
Jadual 1.3	Sistem Pendidikan Menurut Undang-undang 1952	5
Jadual 1.4	Program KPM Untuk Meningkatkan Penguasaan Bahasa Inggeris	8
Jadual 1.5	Perbandingan Elemen-elemen Kurikulum Seperti Yang Terkandung Dalam FPK Dengan KKBI	10
Jadual 1.6	Objektif-objektif KKBI Yang Disesuaikan Dengan Hasil Pembelaaran KKBI Dalam Bahasa Inggeris 1119	12
Jadual 1.7	Lokasi Sekolah Menengah Di PPG Penampang	20
Jadual 2.1	Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina Di Daerah Penampang	27
Jadual 2.2	Komposisi Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Daerah Penampang Mengikut Aliran	28
Jadual 2.3	Maklumat dan Fokus Penilaian Dimensi CIPP	35
Jadual 3.1	Pengendalian Soal Selidik dan Ujian	59
Jadual 3.2	Ringkasan Soal Selidik Pelajar Berdasarkan Dimensi Input Kurikulum KKBI	62
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidek dan Soalan Ujian	63
Jadual 3.4	Skala Tahap Input	65
Jadual 3.5	Skala Tahap Produk	67
Jadual 3.6	Ringkasan Kaedah Statistik	68
Jadual 4.1	Cara Responden Mendapat Buku Teks dan Peratus dan Peratus	135
Jadual 4.2	Cara Responden Mendapat Buku Rujukan Utama dan peratus	135
Jadual 4.3a	Min Penggunaan Sumber	135

Jadual 4.3b	Taburan Tahap Penggunaan Sumber	135
Jadual 4.4a	Min Penggunaan Strategi	136
Jadual 4.4b	Taburan Tahap Penggunaan Strategi	136
Jadual 4.5a	Min Pencapaian Objektif Keseluruhan KKBI Keseluruhan KKBI	136
Jadual 4.5b	Taburan Tahap Pencapaian Objektif Keseluruhan KKBI	136
Jadual 4.6a	Keputusan Ujian Normaliti untuk Penggunaan Sumber	137
Jadual 4.6b	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk Penggunaan Sumber	137
Jadual 4.7a	Keputusan Ujian Normaliti untuk Penggunaan Strategi	138
Jadual 4.7b	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk Penggunaan Sumber	138
Jadual 4.8a	Keputusan Ujian Normaliti untuk Pencapaian Objektif	139
Jadual 4.8b	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk Pencapaian Objektif	139
Jadual 4.9a	Keputusan Ujian Kruskal-Wallis untuk Ho1	139
Jadual 4.9b	Keputusan Ujian Kruskal-Wallis untuk Ho1	140
Jadual 4.10a	Keputusan Ujian Kruskal-Wallis untuk Ho2	140
Jadual 4.10b	Keputusan Ujian Kruskal-Wallis untuk Ho2	140
Jadual 4.11	Keputusan Korelasi rho Spearman untuk Ho3	140
Jadual 4.12	Keputusan Korelasi rho Spearman untuk Ho4	141
Jadual 4.13	Ringkasan Keputusan Analisis Data Kuantitatif	73
Jadual 5.1	Perbandingan Senarai Judul Teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (2000-2009) dengan Senarai Judul Teks Baru 2010/2011	85

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Struktur Pengurusan Pendidikan di Malaysia	4
Rajah 2.1 Kerangka Teori Kajian	44
Rajah 2.2 Kerangka Kajian	54
Rajah 3.1 Pensampelan Pelajar Untuk Kajian Di Sekolah Menengah Di Daerah Penampang	60
Rajah 4.1 Histogram Penggunaan Sumber	141
Rajah 4.2 Histogram Penggunaan Strategi	142
Rajah 4.3 Histogram Pencapaian Objektif	142



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
CIPP	<i>Context, Input, Process, Product</i>
CRP	<i>Class Reader Programme</i>
ELPP	<i>English Language Reading Programme</i>
ESL	<i>English as Second Language</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPMS	Jadual Perancangan Masa Strategik
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KKBI	Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris
KSBM	Komponen Sastera Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LAKE	Lembaran Analisis Keperluan Kendiri
LEP	<i>Literature in English Programme</i>
MOE	<i>Ministry of Education</i>
PEKA	Penilaian Kerja Amali
P & P	Pengajaran & Pembelajaran
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
SILL	<i>Strategy Inventory for Language Learning</i>
SPA	Sektor Pengurusan Akademik
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kelemahan murid menguasai Bahasa Inggeris amat jelas terutamanya dalam kalangan murid sekolah menengah yang terletak di luar bandar (Rosli Talif dan Edwin Malachi, 1988). Salah satu puncanya ialah kurangnya minat membaca terutamanya bahan Bahasa Inggeris. Budaya membaca dalam kalangan murid sekolah menengah memang sukar dilihat. Perkara ini adalah satu persoalan yang perlu ditangani semua pihak terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia.

Isu yang sama telah ditimbulkan dalam mesyuarat susulan Jemaah Menteri 4/99 pada 24 Februari 1999 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Mesyuarat menyarankan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) memasukkan unsur sastera dalam pengajaran bahasa dengan alasan kesusasteraan merupakan satu cabang ilmu yang dapat membantu masyarakat membentuk budaya membaca serta mengukuhkan penguasaan berbahasa seseorang. Banyak bahan kesusasteraan yang boleh diperoleh seperti novel, cerpen dan puisi.

Ekoran dari itu, PPK telah mengemukakan kertas konsep bertajuk 'Pengukuhan Kesusasteraan dalam Kurikulum Bahasa Inggeris' dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 1/99 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). PPK seterusnya telah menubuhkan satu jawatankuasa induk untuk memilih karya yang sesuai diperkenalkan sebagai bahan bacaan murid di Tingkatan 1 hingga 5.

Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 2/99 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999) telah memperakukan pemilihan karya yang telah dibuat dan juga mencadangkan satu kajian dijalankan terhadap karya-karya tersebut untuk memastikan kesesuaian karya dengan kumpulan sasaran. Dalam satu taklimat kepada Menteri Pendidikan pada 1 Julai 1999 (Kementerian Pendidikan

Malaysia, 1999), satu senarai karya terpilih telah dikemukakan dan pada dasarnya telah mendapat persetujuan daripada Menteri Pendidikan. Senarai karya yang telah diperakukan adalah seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Senarai karya Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris yang diperakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

Ting	Genre			Catatan
	Puisi	Cerpen	Novel	
1	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Life's Brief Candle</i> (William Shakespeare) 2. <i>The Dead Crow</i> (A. Samad Said) 3. <i>The Lake Isle of Innisfree</i> (W. B. Yeats) 	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>The Pencil</i> (Ali Majid) 2. <i>How Dalat Got Its Name</i> (Heidi Munan) 3. <i>Of Bunga Telur And Bally Shoes</i> (Che Husna Azhari) 	-	Murid wajib belajar semua puisi dan cerpen
2	-	-	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Potato People</i> (Angela Wright) 2. <i>Robinson Crusoe</i> (Danial Defoe) 3. <i>Phantom Of The Opera</i> (Gaston Leroux) 	Murid memilih salah satu novel untuk dipelajari
3	-	-	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>The Prisoner Of Zenda</i> (Anthony Hope Hopkins) 2. <i>Dr Jeckyll and Mr. Hyde</i> (R.L Stevenson) 	<ul style="list-style-type: none"> -memilih salah satu novel untuk dipelajari. -ulangkaji semua genre yang dipelajari dari Tingkatan 1-3
4	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>If</i> (Rudyard Kipling) 2. <i>Sonnet 8</i> (William Shakespeare) 3. <i>Si Tenggang's Homecoming</i> (Muhammad Hj. Salleh) 4. <i>Monsoon History</i> (Shirley Lim) 5. <i>The Road Not Taken</i> (Robert Frost) 6. <i>There's Been A Death In The Opposite House</i> (Emily Dickinson) 	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>The Lotus Eater</i> (Somerset Maugham) 2. <i>The Necklace</i> (Guy de Maupassant) 3. <i>The Drover's Wife</i> (Hendry Lawson) 4. <i>The Sound Machine</i> (Roald Dahl) 5. <i>Looking For a Rain God</i> (Bessie Head) 	-	Murid wajib belajar semua puisi dan cerpen
5	-	-	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Jungle Of Hope</i> (Keris Mas) 2. <i>The Return</i> (K.S Maniam) 3. <i>The Pearl</i> (John Steinbeck) 	Murid memilih salah satu novel untuk dipelajari. Murid ulangkaji semua genre yang dipelajari dari Tingkatan 4-5

Sumber: Ministry of Education Malaysia (2000a)

Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris KBSM Tingkatan 4, teks-teks yang ditetapkan untuk pengajaran dan pembelajaran ialah genre puisi dan cerpen seperti yang tersenarai dalam Jadual 1.1 manakala bagi Tingkatan 5 pula ialah untuk genre novel. Menteri Pendidikan juga memberi persetujuan untuk pelaksanaan program ini seperti dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Jadual pelaksanaan program KKBI

Mac 2000	Tingkatan 1 & 4
2001	Tingkatan 2 & 5
2002	Tingkatan 3

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2000b)

Lanjutan daripada perkembangan kurikulum di atas, pada tahun 2000, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas Bil 4/2000 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b): Pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5). Surat pekelling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua sekolah menengah supaya melaksanakan pengajaran Komponen Kesusasteraan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b).

Komponen ini adalah wajib untuk semua murid di sekolah menengah memandangkan mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah subjek teras. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberikan pendidikan berkualiti untuk semua murid: *...quality education for all young people: challenges, trends and priorities* (Ministry of Education, 2004).

Karya-karya yang dipilih akan dinilai di peringkat pusat di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2001 dan tahun-tahun selanjutnya, dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2002 dan tahun-tahun selanjutnya berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Sekolah Menengah 1987 yang telah disemak semula. Bagi melaksanakan inovasi kurikulum ini, sekolah-sekolah menengah telah dibekalkan dengan buku-buku terpilih dan

agihan buku tersebut telah dilaksanakan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks mengikut zon (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b).

Berdasarkan surat pekeliling tersebut, antara tujuan komponen ini ialah untuk menimbulkan minat membaca serta mempertingkatkan kefasihan murid dalam Bahasa Inggeris melalui bacaan beberapa karya sastera yang telah ditetapkan. Justeru, dengan adanya Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris (KKBI), hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah menengah akan tercapai. Kejayaan merealisasikan hasrat murni ini akan membantu Kementerian Pelajaran Malaysia mencapai wawasannya untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada kumpulan sasarannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b). Peranan *stakeholder* kurikulum KKBI yang terdiri daripada pentadbir sekolah, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa sangat penting dalam menjayakan keberkesanan KKBI di sekolah-sekolah menengah (Ministry of Education Malaysia, 2004). Rajah 1.1 menunjukkan bagaimana kurikulum itu dilaksanakan mengikut hirarki struktur pengurusan.

Rajah 1.1: Struktur Pengurusan Pendidikan di Malaysia



Sumber: Ministry of Education Malaysia (2004)

Pelaksanaan kurikulum KKBI tertakluk kepada struktur tersebut dan dibincangkan perkaitannya dari masa ke masa dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pendidikan di Malaysia

Menurut Undang-undang Pelajaran 1952 (selaras dengan Penyata Barnes 1950 dan Penyata Fenn-Wu 1950), terdapat lima jenis sistem pendidikan seperti dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Sistem Pendidikan Menurut Undang-undang 1952

Sistem Pendidikan	Bahasa Pengantar
1. Sekolah Inggeris	Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar
2. Sekolah Melayu	Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar
3. Sekolah Agama	-
4. Sekolah Cina	-
5. Sekolah Tamil	-

Sumber: Choong Lean Keow (2008)

Pada tahun 1963, Bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat persekolahan mengikut Akta Pelajaran Kebangsaan 1963. Selanjutnya, Akta pendidikan 1961 telah digubal dengan mengambil kira cadangan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Kedua-dua laporan menyarankan supaya Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar utama, kurikulum dan peperiksaan yang sama serta bercorak kebangsaan. Pada tahun 1963-1974, pelaksanaan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru telah membolehkan peluang pendidikan yang sama di bandar dan luar bandar. Akta Pendidikan 1961 telah merangkumi negeri Sabah dan Sarawak pada 1976 (Choong Lean Keow, 2008).

Pada tahun 1988, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi fokus kepada perkembangan individu secara menyeluruh telah digubal. Dalam tahun yang sama, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digunakan secara rasmi sebagai kesinambungan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang digubal pada tahun 1983 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Selepas itu

pada 1997, konsep Sekolah Bestari telah diperkenalkan dengan memilih beberapa sekolah rintis (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004a).

Pada tahun 2000, Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris telah dimasukkan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dua tahun selepas itu, iaitu pada tahun 2002, dua mata pelajaran teras iaitu Matematik dan Sains diajar dalam bahasa penghantar Bahasa Inggeris di Tingkatan 1 dan Tahun 1. Sehubungan dengan urutan peristiwa ini, Bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua di Malaysia hingga kini. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran telah mengorak langkah untuk memperluaskan lagi penggunaan Bahasa Inggeris bermula pada penghujung 90an dan awal alaf ketiga. Ini mungkin disebabkan negara Malaysia pada alaf baru turut dipengaruhi oleh globalisasi dalam usahanya mencapai Wawasan 2020 serta menjayakan program sekolah Bestari menjelang tahun 2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004a).

Pengetahuan teknologi komunikasi dan maklumat merupakan satu keperluan memandangkan bahasa pengkomputeran dan teknologi maklumat banyak terdapat dalam Bahasa Inggeris (Bromeley Philip, 2011). Sehubungan dengan itu, dalam kurikulum sekolah Bestari, salah satu subjek yang diberi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah Bahasa Inggeris.

Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan dasar 'Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris' pada 2010 yang merupakan sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan dasar pendidikan di negara kita bagi pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) secara *soft landing* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a).

Sekolah-sekolah dibekalkan dengan bahan bacaan Bahasa Inggeris serta memperkenalkan *language arts* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Memperkukuh Bahasa Inggeris bermaksud memantapkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa. Justeru itu, secara tidak langsung, KKBI

sedikit sebanyak akan memberi sumbangan kepada kejayaan pelaksanaan dasar tersebut kerana KKBI adalah komponen dalam Bahasa Inggeris (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a).

1.2.2 KKBI Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Teras

a. Perkembangan Kurikulum

Dalam KBSR, Bahasa Inggeris diajar melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis menggunakan pelbagai sumber di tahap I dan tahap II supaya murid boleh berkomunikasi dengan tepat dan berkesan secara lisan atau bertulis di dalam dan di luar bilik darjah. Setelah murid menamatkan pendidikan di sekolah rendah, dia sepatutnya dapat memahami Bahasa Inggeris dalam situasi tertentu, bertutur dan memberi respon yang sesuai dalam situasi yang biasa menggunakan bahasa mudah; membaca dan memahami pelbagai teks untuk mencari maklumat dan keseronokan serta menulis untuk pelbagai tujuan dan dalam pelbagai format dengan menggunakan bahasa yang mudah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a).

KBSM pula adalah kesinambungan daripada KBSR yang dilaksanakan enam tahun sebelumnya. Penggubalannya adalah berpaksikan hasrat yang tersurat dan tersirat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan bertunjang kepada Rukun Negara. Kurikulum ini bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dan memastikan sistem pendidikan negara menjadi wadah berkesan untuk memenuhi aspirasi negara (Kamaruddin Hj. Husin dan Kamarul Azhar, 1994).

Pada asasnya, KBSM menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan usaha untuk melahirkan generasi yang dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat, membina kepada kemajuan dan kesejahteraan diri serta menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara (Kamaruddin Hj. Husin dan Kamarul Azhar, 1994).

Matlamat utama KBSM adalah untuk menyediakan pendidikan umum kepada semua murid, menekankan kesepaduan unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani, membolehkan para murid memanfaatkan ilmu pengetahuan yang

diperoleh melalui disiplin yang pelbagai, melahirkan para murid yang mempunyai moral dan estetika yang tinggi, membantu para murid membina asas yang kukuh untuk pendidikan seumur hidup dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan antarabangsa merentas kurikulum supaya para murid dapat menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi secara berkesan dalam perhubungan seharian dan dalam bidang ilmu, sama ada bagi melahirkan fikiran atau menimba ilmu pengetahuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a).

Pada tahun 2000, Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Sekolah Menengah 1987 telah disemak semula dengan penambahan penggunaan bahasa dalam *interpersonal*, *informational* dan estetika. Aspek yang ketiga iaitu estetika, diwujudkan selari dengan keputusan Kementerian Pelajaran untuk memasukkan Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Inggeris untuk tujuan estetika membolehkan murid menghayati teks sastera yang bersesuaian dengan tahap kefasihan mereka serta memperkembangkan kebolehan untuk berkomunikasi secara kreatif. Pembacaan karya-karya sastera yang terpilih diharap dapat membantu murid untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris (Ministry of Education Malaysia, 2000b).

Komponen Kesusasteraan Bahasa Inggeris merupakan salah satu usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Inggeris (Ministry of Education Malaysia, 2004). Terdapat beberapa program yang telah diperkenalkan untuk menyokong pelaksanaan kurikulum Bahasa Inggeris di sekolah seperti dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4: Program KPM untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris

Bil.	Program	Tahun
1	<i>Extensive Reading and Contemporary Literature</i>	2001
2	<i>English For Science And Technology</i>	2003
3	<i>Native Speaker Teachers' Programme</i>	2003

Sumber: Ministry of Education Malaysia (2004)